



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 10

RABU 7 MAC, 1984.

رابعو 4 جمادي الاخير 1404

PERCUMA

Suasana gemilang sambut Hari Kebangsaan

BEGINILAH suasana berwarna-warni di Stadium Negara Hassanal Bolkiah ketika sambutan hari Kebangsaan yang pertama bagi Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari yang baru lalu.

Upacara yang gilang-gemilang itu telah diisikan dengan berbagai acara menarik hasil adunan manifestasi corak kehidupan dan hasrat rakyat sebagai bangsa yang bermaruah, merdeka dan berdaulat.

Kira-kira 17,000 rakyat dari berbagai lapisan masyarakat telah menjayakan beberapa persembahan yang memakan masa hampir tiga jam. Akhirnya peserta-peserta itu bercantum memenuhi padang stadium membentuk barisan yang melambangkan panji-panji Negara Brunei Darussalam. (gambar kanan).

Di satu sudut stadium berhadapan dengan pentas Diraja, penuntut-penuntut sekolah telah membentuk beberapa perkataan khusus dengan kembangan payung yang berwarna-warni. Antara perkataan-perkataan yang sempat dirakamkan dalam gambar di atas ialah "ALLAHU AKHBAR" (dalam tulisan jawi) dan "MERDEKA BERDAULAT".

Peserta-peserta yang menjayakan persembahan-persembahan tersebut terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan, penuntut-penuntut sekolah, pasukan pancaragam sekolah-sekolah, pasukan-pasukan hadrah, belia tani, belia nelayan, belia wanita, pekerja-pekerja Syarikat Minyak Shell Brunei dan LNG dan lain-lain lagi.

Di samping persembahan-persembahan yang merupakan gerak laku gerak laku tertentu yang menciptakan berbagai lambang tentang manifestasi kehidupan kita di negara ini, acara-acara kebudayaan seperti tarian-tarian, lagu-lagu asli dan musik tradisi juga dipersembahkan. (Lagi gambar-gambar di muka tengah).



BMR NAFI JERAT PEGAWAI RENDAH



P. Rajaratnam,
Pmk. Pengarah
Biro Mencegah Rasuah

BADAR SERI BEGAWAN. — Biro Mencegah Rasuah Brunei menafikan kecaman yang mengatakan Biro itu hanya menjerat pegawai-pegawai rendah.

"Pegawai-pegawai besar juga sedang disiasat, tetapi penyiasatan seumpama itu mengambil masa yang panjang untuk mendapatkan bukti dan untuk dihadapkan ke mahkamah," demikian menurut Tuan P. Rajaratnam, Pemangku Pengarah Biro tersebut.

Biro ini perlu menyiasat kes-kes yang kecil bila menerima laporan dan

menghadapkan orang-orang yang didakwa ke mahkamah.

"Kami tidak dapat membuang kes-kes itu tanpa melakukan sesuatu," kata Tuan Rajaratnam menjawab soalan mengenai kemajuan yang dicapai oleh Biro itu.

Biro ini bertanggungjawab menyiasat setiap kes, sama ada kecil atau-pun besar, kata pegawai itu.

Jika orang ramai memberi lebih banyak maklumat tentang kegiatan rasuah atau orang-orang yang memberi rasuah, ianya akan memudahkan penyiasatan.

"Mereka perlu lebih banyak masa untuk mendapatkan hasil-hasilnya dan dengan mendapat bantuan serta kerjasama orang ramai mereka akan dapat menjerat orang-orang besar," begitu menurut Tuan Rajaratnam, bekas ketua Biro Penyiasatan Rasuah Singapura itu.

Tugas bagi para penyiasat Brunei ini adalah sesuatu yang baru tetapi bila mereka telah memperoleh pengalaman, mereka akan dapat membawa lebih banyak kes-kes ke mahkamah.

Ketua anti-rasuah itu memberitahu hanya lebih

kurang dua minggu yang lalu beliau menerima surat yang mendakwa bahawa Biro itu tidak 'menjerat' orang-orang besar.

Lihat muka 6

MANISNYA IMAN

"ORANG-ORANG yang beriman dan tidak mencampur keimanannya dengan kejahatan, mereka itu memperoleh keamanan, dan itulah orang-orang yang mendapat petunjuk yang benar." — Makna ayat 82, Surah Al-An'am.



7 MAC, 1984

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

**Semangat Hari Kebangsaan:
Lebih bertanggungjawab
dan berkeupayaan**

SAMBUTAN Hari Kebangsaan baru-baru ini telah memperjelaskan lagi keunikan kita dan

negara kita.

Banyak pihak yang menyaksikan dan mengikuti sambutan itu menyatakan kekaguman masing-masing atas keupayaan kita menunjukkan corak persembahan yang baik bahkan menyelenggarakan keseluruhan sambutan yang besar itu.

Tidak berlebihan jika dikatakan perhimpunan sejumlah besar pemimpin-pemimpin dari berbagai-bagai negara dalam perayaan tersebut menjadikan negara kita Brunei Darussalam mencipta sejarah yang jarang terjadi dan bahkan pernah dibayangkan tidak akan mungkin terjadi di negara-negara yang kecil dan sederhana. Tapi nyatanya begitulah, kita dan negara kita diperkenankan oleh Allah s.w.t. untuk membuktikan betapa pun kecil dan sedikit bilangan penduduk tapi kita tidak 'mengecilkan' keperluan sebagai bangsa dan negara yang merdeka.

Dalam meneliti kembali kesan-kesan sambutan Hari Kebangsaan itu kita amat

menghargakan semangat yang ditunjukkan oleh rakyat dari berbagai lapisan. Sebelumnya tidak pernah kita menyaksikan sambutan dan penyertaan yang begitu meluas seperti yang ditunjukkan baik dalam acara perhimpunan agung mahupun dalam acara perbarisan berjalan kaki, perarakan di air dan pertunjukan-pertunjukan atau pementasan-pementasan yang bercorak budaya serta hiburan. Demikian juga penyertaan-penyertaan yang lain. Ini menambahkan lagi keyakinan kita betapa minat dan perhatian rakyat terhadap kemerdekaan khususnya dan hal-hwal kenegaraan orang sangat tinggi. Sesungguhnya ada pemerhati luar negeri yang kagum akan penyertaan rakyat yang begitu meluas. Bagi mereka hal itu tidak mungkin terjadi melainkan kerana adanya perpaduan yang kukuh di kalangan rakyat yang mempunyai persefahaman dengan Kerajaan. Memangnya kita sedemikian itu.

Penghargaan kita itu tentunya diikuti dengan kesyukuran kepada Allah s.w.t. yang terus-menerus mengizinkan suasana aman tenteram sepanjang perayaan itu. Sesungguhnya kenangan baik yang dibawa balik oleh tetamu

tetamu negara yang ramai itu antaranya ialah perihal keamanan dan ketenteraman yang bukan semata-mata dimungkinkan oleh adanya langkah-langkah keselamatan yang diambil tetapi adalah kerana negara kita sememangnya aman dan selamat menempati gelarnya sebagai Darussalam.

Maka kita percaya keadaan yang sama akan lebih mendorong kita semua untuk meneruskan hidup bernegara dan berkerajaan dalam serba aman. Sememangnya itulah tanggungjawab kita yang utama yang kerananya kita harus lebih bersungguh-sungguh dalam memenuhi hasrat dan harapan berikutan pencapaian semula kemerdekaan.

Hari Kebangsaan berlangsung dan berialu, sekarang telah sampai waktunya bagi semua pihak untuk menghayati semangat bangsa dan negara yang merdeka secara lebih bertanggungjawab serta berkeupayaan sebagaimana yang sepatutnya.



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Teramat Mulia ke kapal H.M.S. Rothesay telah dialu-alukan dengan satu perbarisan kehormatan.



KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia sedang berbual-bual dengan Komander John M. Ferguson, Pegawai Pemerintah H.M.S. Rothesay.

D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan berangkat ke kapal Rothesay

MUARA. Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan telah berkenan berangkat

melawat kapal Tentera Laut Diraja, British, H.M.S. Rothesay di Pengkalan Tentera Laut Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada petang hari, Selasa 28 Februari lepas. Keberangkatan

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia telah dialu-alukan oleh Pegawai Pemerintah ABDB, Brigedier J.P.W. Friedberger, Pegawai Pemerintah Tentera Laut ABDB Yang Dimuliakan

Pehin Datu Juragan Laila Diraja Leftenan Kolonel Dato Paduka Awang Kifli; dan pegawai-pegawai kanan Tentera Laut ABDB.

Di atas kapal tersebut,

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia disambut dengan satu perbarisan kehormatan dan seterusnya mendengar taklimat dari Komander John M. Ferguson, Pegawai Pemerintah kapal


tersebut.

Setelah itu Kebawah Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya dijunjung melawat ke beberapa bahagian kapal termasuk bilik operasi dan seterusnya menyaksikan kelengkapan-kelengkapan yang terdapat di kapal tersebut.

Kapal H.M.S. Rothesay yang mengandungi 240 orang anak buah itu adalah dalam rangka lawatannya selama tiga hari ke negara ini dan telah tiba pagi hari yang sama.

Semasa di sini mereka telah mengadakan latihan bersama dengan kapal-kapal Tentera Laut ABDB di samping mengadakan beberapa perlawanan sukan persahabatan.

Hadir sama di dalam lawatan Diraja itu ialah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British Awang Francis Cornish.



KAPAL H.M.S. Rothesay yang baru-baru ini mengadakan lawatan rasmi ke negara ini.

SEKITAR KUNJUNGAN HORMAT D.Y.M.M. SULTAN SELANGOR



BANDAR SERI BEGAWAN.

— Duli Yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Sultan Selangor telah berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Masjid Omar Ali Saifuddin dan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan pada hari Selasa lepas dalam rangka kunjungan kehormatan di negara ini.

Baginda Sultan Selangor memulakan lawatan ke Masjid Omar Ali Saifuddin di ibu negara diiringi oleh Menteri Pembangunan, Y.B. Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di negara ini Y.T.T. Awang Zainal Abidin Ibrahim.

Keberangkatan Baginda telah dialu-alukan serta dijunjung oleh Y.B. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain serta Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Semasa di sana Baginda telah dijunjung melawat sambil melihat-lihat sekitar kawasan masjid di samping mendengar penerangan ringkas yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama.

Kemudian Baginda meneruskan lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di Jalan Residency. Ketibaan Baginda di sana dijunjung oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa PLKPTB yang diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Laila Utama Awang Haji Abd Rahman.

Sejurus kemudian D.Y.M.M. Sultan Salahuddin dijunjung menyaksikan bahagian-bahagian pusat tersebut seperti bahagian tenunan kain, anyaman, pertukangan perak, tembaga, dan akhir sekali ke dewan pameran hasil-hasil yang telah siap dan dipamerkan kepada orang ramai.



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima kunjungan hormat dari D.Y.M.M. Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Nurul Iman baru-baru ini. Turut berangkat ke majlis itu ialah Kebawah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin dan lain-lain kerabat Diraja (gambar atas).



'TUDUNG DULANG' salah satu hasil kerjatangan penuntut Pusat Kesenian yang menarik perhatian Baginda semasa mengadakan lawatan ke sana.

DALAM rangka kunjungan hormat selama sehari ke negara ini, D.Y.M.M. Sultan Selangor sempat mengadakan lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei. Kelihatan Baginda sedang memerhatikan sebilah keris yang dihasilkan oleh salah seorang penuntut di Pusat itu. Manakala gambar bawah kelihatan Baginda Sultan Selangor semasa berangkat mengadakan lawatan ke Masjid Omar Ali Saifuddin.



Perancangan fizikal kawal perubahan alam sekeliling

BERAKAS. — Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Negara, Awang Haji Ibrahim bin Haji Mat Yassin menyatakan bahawa perancangan fizikal ialah satu cara bagi mengawal dan memandu had keluasan tanah serta proses perubahan pada alam sekeliling.

"Ini adalah didasarkan kepada sudut kajian ilmu alam kemanusiaan, tanah dan penggunaannya, kepadatan penduduk manusia, kegiatan perkebunan, perlombongan dan perindustrian mereka, susunan jarak bandar-bandarnya dan kota-kota raya serta fungsi-fungsinya," jelasnya.

Katanya analisa terhadap ciri-ciri fizikal masyarakat ini, adalah sangat mustahak dan tiada boleh tidak dipergunakan dalam membuat semua aspek perancangan yang lebih jauh umpamanya ke atas rangkaian lebuh-lebuh raya, sumber-sumber tenaga elektrik dan air, corak perbandaran dan lain-lain lagi.

Awang Haji Ibrahim menjelaskan demikian ketika memberi taklimat kepada kira-kira 18 orang pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan

Belia dan Sukan yang mengikuti kursus singkat Perhubungan Awam baru ini.

"Dengan berasaskan kepada kajian-kajian tersebut ujarnya, perancang fizikal dapat membentuk dasar dalam merancang penduduk, yang mana lingkungannya ialah jangkaan masa, taburan penduduk, perumahan dan perbandaran serta infrastruktur."

Ini dengan secara langsung juga katanya, akan membawa kepada corak perancangan fizikal bagi masa jangka panjang dan akan menggambarkan taburan tenaga-tenaga buruh yang asas dalam bidang-bidang pertanian, perlombongan, pengeluaran kilang yang sehubungan langsung dengan sumber-sumber pengangkutan dan pasaran, di samping menunjukkan kedudukan tenaga-tenaga buruh yang kedua pentingnya dalam perkhidmatan-perkhidmatan, perdagangan, pembinaan dan lain-lain lagi.

Dengan berbandukan kepada peta-peta ini, anggarannya yang agak tepat dapat dibuat terhadap corak atau rupa susunan penduduk di

masa hadapan dan akhirnya perbandingan di antara penduduk-penduduk bandar dan luar bandar juga akan jelas dilihat.

Seterusnya, Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Negara pada hari itu juga telah menerangkan berkenaan asas-asas pencorakan jangka panjang seperti Pelan-pelan Induk (Pelan Negara dan Pelan Kawasan), Pelan Bandar dan Pelan Tempatan.

Pada amnya, menurut Awang Haji Ibrahim, perancangan fizikal ini adalah bertujuan bagi menganalisa rupa susun geografi dan bakal keupayaan pembangunan serta menjangka kedudukan keperluan-keperluan tanah bagi kegiatan-kegiatan ekonomi baru dan perbandaran.

Di samping mencorakkan gabungan yang seimbang terhadap penempatan ekonomi, infrastruktur, perumahan dan kemudahan-kemudahan sosial dan menyelarasakan arus pembinaan yang berbagai unsur, juga menghalang jurang penyediaan kemudahan-kemudahan dan pergeseran tentang kedudukan-kedudukan.



SEBAHAGIAN dari Pegawai-pegawai Penerangan yang menghadiri kursus sehari perhubungan Awam sedang mendengar ceramah dari Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Negara.

Pegawai Muzium peroleh ijazah M.A.

SEORANG Pegawai di Jabatan Muzium-Muzium, Awang Matasim bin Haji Jibah baru-baru ini telah berjaya memperolehi ijazah Master of Arts (politics) in South East Asian Studies dari Universiti Hull. Beliau mula berkhidmat di Jabatan tersebut sejak tahun 1978 apabila memperolehi Sarjana Muda (B.A.) Sastera & Sains Kemasyarakatan dari Universiti Singapura (1975-78).

Pada tahun 1981, Awang Matasim telah menghadiri kursus Epigraphy di School of Oriental & African Studies, Universiti London selama

enam bulan. Pada tahun berikutnya beliau sekali lagi bertolak ke United Kingdom bagi mengikuti kursus ijazah lanjutan di Universiti Hull dalam skim Latihan Dalam Perkhidmatan (Study Leave) sehingga bulan Disember 1983 lalu. Beliau telah menulis sebuah disertasi bertajuk: 'Perkembangan Politik di Brunei 1950-67', di samping menduduki ujian bertulis bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah tersebut.

Awang Matasim sejak tahun 1978 bertugas sebagai Kurator Sejarah di Jabatan



Awang Matasim bin Haji Jibah

Muzium Muzium dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

WANITA ISLAM (Bahagian III) Siri ke-216

Pakaian perempuan

BERHUBUNG dengan pakaian bagi wanita-wanita Islam sebagai yang disyaratkan oleh syarak hendaklah pakaian yang dipakai oleh perempuan itu ketika di hadapan laki-laki yang halal nikah dengannya, atau ketika keluar rumah, memenuhi syarat-syarat di bawah yang diambil dalil-dalil Quran, Hadis, Imjak dan Qias. Menutup aurat adalah wajib, dalam Islam mendedahkannya adalah suatu dosa besar.

1. Ketika keadaan biasa (aman dari fitnah) hendaklah pakaian itu menutup badan, kepala, rambut, leher, dada, lengan dan betis dari anggota perempuan itu, melainkan muka dan dua tapak tangan sahaja yang boleh nampak. Adapun ketika dalam keadaan fitnah dan keadaan keganasan wajib ditutup seluruhnya termasuk mulut dan dua tapak tangan. Tiada menutup anggota badan adalah dilaknat oleh Allah Taala dan berdosa besar. Oleh yang demikian wajiblah dielakkan.

2. Hendaklah pakaian itu tebal, tiada menampakkan warna kulit dari celah-celah sulaman benang pakaian itu, sama ada nampak warna itu pada lengan atau betis atau leher atau dada dan lain-lain anggota perempuan itu.

3. Hendaklah pakaian perempuan itu luas dan lebar tiada sempit dan ketat yang boleh menampakkan susuk badan perempuan, pakaian yang ketat sehingga menampakkan buah dada, perut serta punggung dan lain-lain anggota yang mendatangkan fitnah, hendaklah dielakkan oleh perempuan-perempuan.

4. Tidak menyerupai atau seakan-akan dengan pakaian laki-laki kerana adalah haram dan berdosa besar perempuan memakai pakaian yang serupa dengan pakaian laki-laki begitu juga sebaliknya, kerana tabiat perempuan ada bawaannya sendiri dan tabiat laki-laki dengan bawaannya sendiri seperti yang telah dijadikan oleh Allah Taala. Meniru dan menyerupai keadaan dan kelakuan laki-laki pada pakaian, keadaan bercakap, keadaan perbualan dan gerak-geri adalah dosa

besar.

5. Jangan pakaian itu wangi dan harum, kerana wangi dan harum itu membawa fitnah, kerosakan dan kejahatan yang wajib dihindarkan oleh perempuan-perempuan, pakaian yang berwangi dan harum semerbak itu adalah dosa besar sekalipun di-benarkan oleh suami.

6. Jangan pakaian itu berhias (berfesyen yang keterlaluan), kerana pakaian yang berhias itu menarik pandangan orang yang boleh membawa fitnah dan kerosakan kepada perempuan dan kepada siapa yang memandangnya. Bani Israil telah dilaknat oleh Allah Taala kerana mereka membiarkan perempuan mereka keluar rumah, ke Masjid, dan ke pasar dengan berhias dan bergaya.

7. Jangan pakaian itu boleh menimbulkan perasaan bermegah-megah, menunjuk-nunjuk, takabur dan ujub (berasa tinggi diri) adalah dosa besar sama ada kepada laki-laki dan perempuan.

8. Jangan pakaian laki-laki itu meleret ekor bajunya, seluarnya ke bawah dari buku lali, kiranya

meleret ekor baju laki-laki ke bawah dari buku lali itu untuk tujuan bermegah-megah (khuayala) dan kerana ujub (berasa tinggi diri) adalah dosa besar. Sunat bagi laki-laki jika ekor bajunya, seluarnya dan kain sarungnya terletak di atas dua buku lali kaki.

Apa yang dibuat dan dilakukan oleh orang laki-laki sekarang tiada mengikut adab Islam hanya mengikut dan meniru sahaja apa yang dibuat dan dipropagandakan oleh orang-orang lain dengan tiada menoleh dan menimbang dengan ukuran syarak.

Meniru orang asing adalah haram sebagaimana kata Al-Alamat Ibnu Taimiah.

9. Hendaklah pakaian perempuan itu menutup segala tapak kakinya melainkan dalam keadaan banjir dan keadaan licak lumpur dan sebagainya. Keadaan perempuan menampakkan betisnya sekarang adalah berlawanan dengan hukum Islam dan hukumnya haram.

10. Orang laki-laki haram dan berdosa besar memakai pakaian yang dibuat dari sutera (ulat) atau

dari sutera (ulat) yang lebih berat timbangannya dari kain yang lain seperti kapas (sutera ulat) dengan ditunen dari kapas.

11. Orang laki-laki haram dan berdosa besar memakai pakaian yang dibuat dari emas seperti cincin emas.

12. Dipetik dari Quran, Hadis, dan dalam kitab-kitab Fiqh dan telah disebutkan oleh Al-Imam Ibnu Hajar r.a. dalam kitab Az-Zawajir An-Iqtirafil Kabaer. Semoga mendatangkan faedah dan peringatan kepada orang-orang Islam, guru-guru, pendidik-pendidik, ibu bapa, orang-orang yang dipertanggungjawabkan pada mendidik dan mengasuh anak-anak orang Islam, supaya mereka takutkan Allah Taala tentang anak-anak, penuntut-penuntut dan murid-murid dari bangsa Islam itu.

Berseluruh (memandang ringan) terhadap dosa, maksiat, dan perkara-perkara mungkar dan tegahan Allah Taala akan melemahkan Islam dan meruntuhkan rukun-rukun Islam serta mengakibatkan mati dalam keadaan kafir, sebagaimana banyak



berlaku ke atas orang-orang Islam yang tinggal dalam dosa, berdegil berbuat maksiat dan melakukan tegahan Allah.

Firman Allah Taala dalam surah Ar-Rum ayat 10 menjelaskan apa yang kita sebut di atas yang ta'sirnya:

"Kemudian sesudah orang-orang yang sentiasa membuat dosa dan melanggar larangan Allah Taala dan berdegil di atas kejahatan dan menentang tegahan Allah Taala, bahawa mereka akan mendustakan Allah Taala, hukum-hukum Allah Taala, menghina-hinakan Allah Taala dan hukum-hukum Allah Taala ketika itu mereka menjadi kafir dan mati dalam keadaan kafir jika mereka tiada bertaubat dan tiada kembali kepada Allah Taala."

Disebut oleh Al-Arifillah Abdullah bin Alwi Al-Haddad yang mati tahun 1132 Hijrah di Hadarmaut dalam kitabnya An-Nasa'ih Ad-Diniyyah sebagai peringatan.

WALLAHUAKLAM.
(Bersambung)

RABBIL ALAMIN PUNYA PENGERTIAN YANG LUAS

BAGI orang muslim yang benar-benar keislamannya, dan bagi seseorang mukmin yang betul-betul keimanannya, begitulah juga bagi orang alim (para sarjana) yang sempurna ilmu pengetahuannya atau kerajinanannya setiap ia memerhati, menyelidik atau membahas tentang alam semesta atau sebahagian dari alam semesta, pasti akan merasakan dan meyakinkan adanya zat mutlak di balik segala persoalan dan kejadian-kejadian di alam semesta ini.

Zat mutlak yang dirasakan oleh setiap muslim, mukmin dan cendekiawan itulah yang dimaksudkan dengan kata-kata Rabbi di belakang

perkataan Rabbil 'Alamin seperti mana terdapat dalam Surah Al-Fatihah pada permulaan "Alhamdulillah Rabbil Alamin" sehingga menjadi sebuah rangkaian kata yang amat indah iaitu "Rabbil Alamin".

Kata atau ayat Rabbil Alamin mempunyai tokoh rangkaian pengertian seperti disebutkan di bawah:

Rabbil Alamin bererti pencipta segala, Rabbil Alamin bererti pengatur segala, Rabbil Alamin bererti pemelihara segala,

Rabbil Alamin bererti pengawas segala, Rabbil Alamin bererti pengembang biak segala yang berkembang biak, Rabbil Alamin bererti pemberi hidup segala yang hidup, Rabbil Alamin bererti pusat kesedaran kepada makhluk berakal, Rabbil Alamin bererti pemberi ilham dan wahyu bagi Nabi dan Rasul, Rabbil Alamin bererti penggerak hati (Maklabbul ulub) bagi segala yang bergerak hatinya untuk melakukan berbagai-bagai kebajikan dalam hidup, Rabbil Alamin bererti sumber segala kekuatan dan daya.

Dengan kefahaman kita dari maksud kata-kata "Rabbil Alamin" itu mudah-mudahan akan memberikan kekuatan dan daya kepada kita sekalian untuk memahaminya sedalam-dalamnya dan sesempurna-sempurnanya. Sesiapa di antara kita dapat memahaminya dengan sedalam-dalamnya dan sempurna, maka itulah suatu rahmat Allah yang paling besar bagi menuju keredaan Allah s.w.t. hidup di dunia ini.

Firman Allah dalam Surah Baqarah ayat 269:

Allah mengurniakan hikmah (daya memahami

dan mengerti) kepada siapa yang Ia kehendaki, dan barangsiapa yang diberi hikmah itu, maka bererti yang ia sudah dikurniakan kebajikan yang banyak, dan tidaklah akan dapat memahaminya selain orang-orang yang dapat berfikir.

'Rabbil Alamin' ialah Allah, iaitu Tuhan yang Maha Esa, tiada yang layak berhak disebut tuhan melainkan Ia 'Allah' maha tunggal, tiada berbapa tidak pula beranak.

Bagaimana besar dan tingginya cakrawala di langit, segala planet-planet, tidak layak disebut tuhan, apalagi manusia, siapapun tidak boleh disebut tuhan, tidak boleh disebut hamba tuhan,

Menuju keredaan Allah

pesuruh tuhan (Rastulullah) Wali Allah, Kekasih Allah.

Dalam konteks ini hanya yang layak disembah, layak dipuja dan dibesarkan ialah "Allah". Rabbil Alamin tempat memohon semua hamba tempat menumpahkan segala doa — Allahu Akbar Walillah Ilham.

UMAT MUHAMMAD TERUS BERUSAHA TEGAKAN UGAMA

MARILAH kita sama-sama bertakwa dengan beribadat dan beramal salih, bekerja menegakkan yang hak dan mengikis yang batil, mudah-mudahan dengan cara itu kita akan menjadi orang-orang Islam yang bahagia beroleh keredaan Allah di dunia dan di akhirat.

Majlis Kesyukuran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis kesyukuran sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang pertama akan diadakan di Dewan Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Kampong Lambak pada 9 Mac ini bermula jam 2.00 petang.

Majlis tersebut dianjurkan oleh penduduk-penduduk Kampong Lambak Kanan, Lambak Kiri dan Terunjing.

Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dijangka akan hadir dan menyampaikan ucapan di majlis tersebut. Antara acaranya termasuklah zikir marhaban dan doa kesyukuran.

Penduduk-penduduk kampung sekitar adalah dipersilakan hadir ke majlis itu.



rahsia ke arah itu ialah hadis riwayat Al-Bukhari daripada sahabat Hurirah bin Su'bah Radhiallahuanhu dari Nabi s.a.w. Baginda bersabda ertinya lebih kurang:

"Akan ada sentiasa suatu kaum atau kumpulan daripada umatku mereka itu tolong-menolong (di dalam kebajikan) sehinggalah tiba hari kiamat hal keadaan mereka itu berjalan terus dengan beroleh kemenangan."

Di dalam hadis yang lain riwayat Muslim pula yang bermaksud:

"Mereka itu tolong-menolong di atas hak dan kebenaran. Tiadalah

membahayakan mereka orang-orang yang cuba menggagalkan mereka itu sehingga tiba hari kiamat, hal keadaan mereka adalah berjalan terus dan mendapat kemenangan."

SENTIASA BERUSAHA

Huraian dari hadis ini menunjukkan kepada suatu jemaah dari umat Nabi Muhammad s.a.w. akan sentiasa ada bekerja dan berusaha untuk menegakkan kebenaran agama Allah dengan tujuan bagi mendapatkan keredaan jua. Tetapi di samping itu mereka tiadalah sebarang mana bergerak melainkan selalu sahaja mendapat gang-

guan dan bahkan rintangan dari puak-puak dan golongan yang tidak menyukai mereka. Tetapi jika mereka ini tabah dan terus bersatu padu), tolong-menolong di dalam menegakkan amar makruf dan nahi munkar kerana Allah maka menurut jaminan hadis di atas mereka akan terus teguh sebagai umat atau bangsa atau kumpulan Muslimin yang berjaya.

Kita berdoa mudah-mudahan kita tergolong di dalam jemaah atau kumpulan yang bekerja menjalankan amar makruf dan nahi munkar yang mempunyai hati dan jiwa yang sentiasa cenderung kepada kebajikan, rajin beramal dan kuat semangat ugama sehingga kita benar-benar menjadi bangsa yang dikasihi oleh Allah, yang hidup di dalam amal salih, maju dakwah Islamiyah, yang tidak dapat dikalahkan dan ditundukkan oleh puak-puak batil yang sentiasa berusaha untuk melemahkan Islam dan umat Islam. Insya-Allah dengan ini kita akan menjadi umat atau bangsa yang teguh yang sejahtera di dunia dan di akhirat.

Kenaikan pangkat pegawai Angkatan Bersenjata

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan kenaikan pangkat 13 orang pegawai dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Dua orang dinaikkan ke pangkat Kolonel, 4 orang ke pangkat Mejar dan 7 orang ke pangkat Leftenan.

Dua orang yang dinaikkan ke pangkat Kolonel ialah Leftenan Kolonel Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dato Indera Setia Diraja Dato Paduka Haji Abdul Aziz bin O.K.K. Dato Abdullah bermula dari 28 Februari 1984; dan Leftenan Kolonel Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Perkasa Dato Paduka Haji Mahdini bin Dato Paduka Haji Basir yang bermula dari 29 Februari 1984. Kedua-dua mereka adalah dari Kompeni Markas.

Kpt. Pg. Tajuddin bin Pg. Hashim dari Pusat Latihan, Kpt. Matzan bin Abd. Ghani dari Kompeni Markas, Kpt. Mohd Radin bin D.M.S. Dian dari Tentera Udara; dan Kpt. Jamil bin Pehin Dato Haji Mohammed dari Batalion Kedua dinaikkan ke pangkat Mejar.

Kenaikan pangkat keempat orang pegawai itu bermula dari 1 Januari 1984.

Tujuh orang yang dinaikkan ke pangkat Leftenan ialah Lt. Muda Roslan bin Hamdan, Lt. Muda Mohd. Taha bin Mohd Yusof dari Batalion Kedua, Lt. Muda Azlan bin Haji Saji dari Batalion Pertama, Lt. Muda Awang Ahmad bin Haji Awang Salleh dari Pasukan Pengempur Khas, Lt. Muda Mazlan bin Awang Tengah dari Squadron Kereta Perisai, Ak. Abas bin Pg. Hj. Othman dari Batalion Kedua dan Lt. Muda Jofari bin Abdullah dari Tentera Udara.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 7 Mac, 1984 hingga ke hari Selasa 13 Mac, 1984 adalah seperti di bawah ini: —

HARI	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	BULAN	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	
7-10		12.37	3.55	3.56	6.36	6.37	7.47	7.48	5.13	5.00	5.14	6.28
11-13		12.35	3.53	3.54	6.36	6.37	7.47	7.48	5.11	4.58	5.12	6.26

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

MINGGU BELIA DAERAH BELAIT AKAN DILANCAR APRIL DEPAN

KUALA BELAIT. — Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan Cawangan Belait dengan kerjasama Majlis Belia Daerah Belait buat kali kedua akan mengadakan projek yang diberi nama Minggu Belia Daerah Belait.

Minggu Belia yang bakal diadakan pada tahun ini adalah merupakan lanjutan kepada Minggu Belia yang pertama kalinya diadakan

dalam tahun 1983.

Dalam jangka masa satu minggu yang akan bermula dari 22 hingga 28 April 1984 sebanyak dua belas program belia telah pun disusun dan diatitkan seperti: Simposium Belia, Musabagah Al-Quran Belia, Kursus Asas Mencegah Kebakaran, Pameran Karyanika Belia, Lawatan Dalam Negeri, Bantuan Bank Darah Negara, Persembahan

Kebudayaan, Pertandingan Tarian Asli, Sukan Ria Belia, Gotong-royong Belia, Kursus Asas Simpan Kira Persatuan dan Memilih Persatuan Terpuji.

Menyentuh dengan 'Memilih Persatuan Terpuji' ini JKBS akan menilai berdasarkan kepada penyertaan dan aktiviti-aktiviti sesebuah persatuan itu di sepanjang Minggu Belia ini diadakan

yang berdasarkan perkara-perkara seperti: ramai penyertaan ahli, kesempurnaan dan kekemasan pakaian, penyerahan di semua aturcara, ketepatan masa dan waktu, keolahan ahli dan persatuan, mempunyai seorang pengurus yang cekap mengawal dan lain-lain yang difikirkan perlu.

Pada keseluruhannya Minggu Belia ini diadakan adalah bertujuan membawa ahli-ahli kepada Persatuan-Persatuan Belia dan Kebajikan di daerah ini ke arah satu kumpulan BELIA yang bersatu padu dalam ertikata lain "Bersatu Laksana Ikan dan Air" dalam mempelbagai kegiatan yang khusus dalam aturcara Minggu Belia yang merupakan satu kegiatan yang menyeluruh dari segi pergaulan sosial yang bersifat dua hala, antara kumpulan-kumpulan belia dengan sektor-sektor Kerajaan yang mengendalikan dan masyarakat setempat yang sentiasa mengawasi tingkah laku belia pada akhir-akhir ini.

Di samping itu, Minggu Belia juga menitikberatkan kerja-kerja kebajikan dan menggerakkan setiap anggota tubuh badan bagi ketahanan mental dan fizikal yang sihat dan waras. Melahirkan satu kumpulan pemimpin belia yang berkewibawaan serta lain-lain lagi.

Inilah di antara intisari tujuan Minggu Belia di daerah

Belait ini dipergiatkan lagi. Dan dapatlah disimpulkan setiap kegiatan yang dilaksanakan itu nanti semuanya boleh dipertanggungjawabkan dan tidak menimbulkan pembaziran yang keterlaluan sama ada di segi material mahupun tenaga.

Minggu Belia ini nanti penyertaannya hanya dikhususkan bagi belia dan beliawanita di Daerah Belait sahaja.

Peserta-peserta mestilah ahli kepada Persatuan-Persatuan Belia dan Kebajikan yang bergabung dengan MBDB dan Persatuan-Persatuan Belia Beruniform.

Keterangan lanjut dan borang-borang penyertaan bolehlah didapati dari sekarang di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Kuala Belait.

Borang-borang yang telah dipenuhi dengan lengkap hendaklah dikembalikan ke Jabatan tersebut tidak lewat pada hari Isnin 19 Mac 1984.

Minggu Belia ini dijangka akan dilaksanakan oleh satu badan Jawatankuasa Penyelaras yang terdiri dari kakitangan JKBS Cawangan Belait dan juga jabatan-jabatan berkenaan, orang perseorangan serta tenaga-tenaga sukarela dari Persatuan-Persatuan Belia dan Kebajikan yang bergabung dengan MBDB dan Belia Beruniform di Daerah Belait.

Pegawai Pelajaran lawat ABDB

BERAKAS. — Seramai 35 orang pegawai-pegawai dari Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran Dan Kesihatan telah mengadakan satu lawatan singkat ke Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Khamis lepas.

Rombongan itu diketuai oleh Pegawai Bimbingan Bakat Kerja Jabatan Pelajaran, Awang Johari bin Haji Awang beserta pengetua-pengetua maktab dan penasihat-penasihat kerjaya tersebut. Sebelum

mengadakan lawatan mereka telah diberikan taklimat oleh Kapten Shahrin bin Haji Shahbuddin di Mes Pegawai Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Bolkiah kem.

Semasa berada di sini mereka telah dibawa melawat ke Unit Logistik, Pasukan Pancaragam dan terus melawat ke Markas Tentera Udara ABDB di Berakas Garrison. Di sebelah tengah rombongan tersebut melawat Tentera Laut di Muara dan Batalion kedua di Perkhemahan Tutong.

Keputusan GCE 'A' Level

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dari 325 orang calon yang menduduki Peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'A' Level (aliran Ingeris) seluruh negara hanya 304 orang memperoleh sekurang-kurangnya satu mata pelajaran pada peringkat 'O' iaitu bersamaan dengan 93.54 peratus.

Calon-calon dari sekolah Kerajaan yang menduduki peperiksaan tersebut seramai 271 orang hanya 259 orang memperoleh sekurang-kurangnya satu

mata pelajaran pada peringkat 'O' iaitu sebanyak 95.57 peratus.

Sementara calon-calon persendirian hanya 45 orang berjaya memperoleh sekurang-kurangnya satu mata pelajaran pada peringkat 'O' dari 54 calon yang menduduki peperiksaan tersebut iaitu bersamaan dengan 83.33 peratus.

Peperiksaan tersebut telah diadakan pada akhir tahun lepas di seluruh negara.

Pegawai ABDB naik pangkat

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan kenaikan pangkat 15 orang pegawai dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Dua orang dinaikkan ke pangkat Kolonel, 4 orang ke pangkat Mejar dan 7 orang ke pangkat Leftenan.

Dua orang yang dinaikkan ke pangkat Kolonel ialah Leftenan Kolonel Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja Dato Paduka Haji Abdul Aziz bin O.K.K. Datu Abdullah yang bermula dari 28 Februari 1984; dan Leftenan Kolonel Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Laila Perkasa Dato Paduka Haji Mahdini bin Dato Paduka Haji Basir yang bermula dari 29 Februari 1984. Kedua-dua mereka adalah dari Kompeni Markas.

Kpt. Pg. Tajuddin bin Pg. Hashim dari Pusat Latihan, Kpt. Matzan bin Abd. Ghani dari Kompeni Markas, Kpt. Mohd. Radin bin D.M.S. Dhan dari Tentera Udara; dan Kpt. Jamil bin Pehin Dato Haji Mohammed dari Batalion Kedua dinaikkan ke pangkat Mejar.

Kenaikan pangkat keempat orang pegawai itu bermula dari 1 Januari 1984.

Tujuh orang yang dinaikkan ke pangkat Leftenan ialah Lt. Muda Rodan bin Hamdan, Lt. Muda Mohd. Taha bin Mohd. Yusof dari Batalion Kedua, Lt. Muda Azlan bin Haji Sapi dari Batalion Pertama, Lt. Muda Awang Ahmad bin Haji Awang Salleh dari Pasukan Pengempur Khas, Lt. Muda Mazlan bin Awang Tengah dari Squadron Kereta Perisai, Ak. Abas bin Pg. Hj. Othman dari Batalion Kedua dan Lt. Muda Jofari bin Abdullah dari Tentera Udara.

L a w a t a n Pegawai Kenderaan

TEMBURONG. — Pegawai-Pegawai dari Jabatan Kenderaan Darat akan berada di daerah ini pada 10 dan 11 Mac dan bukannya di Daerah Tutong seperti yang dijadualkan.

Bagaimanapun mereka akan berada di Daerah Tutong pada 17 Mac ini.

Tuan-tuan punya kenderaan di daerah ini yang hendak membarui lesen-lesen kenderaan dan lesen memandu mereka adalah dipersilakan menemui pegawai-pegawai tersebut pada tarikh tersebut bertempat di Pejabat Daerah Temburong.

Pemegang pemegang lesen-lesen sementara yang hendak memohon ujian memandu dan mereka yang telah ditetapkan tarikh ujian masing-masing adalah juga dipersilakan menemui pegawai berkenaan pada tarikh dan tempat yang sama.

NAFI JERAT PEGAWAI RENDAH

Dari muka 1

"Penulis itu tidak menyebut dengan lebih luas lagi siapakah orang-orang besar yang dimaksudkan itu serta bagaimana mereka terlibat dalam rasuah," kata beliau.

Memang terdapat banyak kes-kes yang melibatkan pemberian rasuah biasanya \$10 atau \$20 kepada pegawai-pegawai imigres dan polis.

Tuan Rajaratnam berkata jika tindakan tidak diambil untuk membentasi rasuah terutama sekali di tempat-tempat masuk ke dalam negeri dari Sarawak, ianya memberi gambaran yang kurang baik pada pandangan pelancong-pelancong dan pelawat-pelawat ke Brunei.

Hanya dua tahun yang lalu Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan menitahkan tentang usaha untuk member-sihkan kerajaan.

Undang-undang Darurat diperkenalkan untuk membentasi rasuah serta penubuhan Biro Anti-Rasuah.

Lama kelamaan, tajuk yang hanya diperbualkan secara sulit kini menjadi bahan percakapan orang ramai.

Kini pihak akhbar, radio dan televisyen kerap melaporkan kes-kes rasuah yang dihadapkan ke mahkamah.

Sejak Biro ini ditubuhkan, 17 orang telah dihukum di bawah Undang-undang Darurat (Mencegah Rasuah).

Sebanyak 10 orang lagi didakwa di mahkamah dan kes-kes mereka akan dibicarakan. Enam orang telah pun dipenjarakan dan hampir \$50,000 wang denda diterima. Kira-kira \$3,700 wang rasuah diserahkan kepada pihak Biro yang dijadikan hak Kerajaan.

Tuan Rajaratnam berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai oleh pihak Biro, tetapi merasa lebih banyak akan dapat dicapai dengan adanya lebih banyak bantuan orang ramai.

Kumpulan pertama penyiasat mula dilatih pada bulan Julai 1982 dan sejak itu tiga lagi kumpulan telah diambil.

Selepas latihan selama setahun di Brunei, para penyiasat dihantar menjalani

penempatan di CPIB Singapura atau badan yang setaraf di Hong Kong IC-AC untuk meluaskan pengalaman mereka.

Sementara dalam latihan, para pegawai juga menyiasat kes-kes yang ada.

Tuan Rajaratnam berkata, "Terdapat dua pihak yang berpuas hati dalam kes-kes rasuah dan bukti yang mencukupi juga pengesanan mesti diperolehi sebelum Peguam Agung bersetuju untuk mendakwa."

Atas sebab itu kes-kes rasuah mengambil masa yang panjang untuk disiasat sepenuhnya dan dihadapkan ke mahkamah. Proses untuk kes yang besar mengambil masa hingga dua tahun atau lebih.

Beliau menjangkakan semua pegawai-pegawai Biro akan menjadi "pakar penyiasat" dalam tempoh tiga hingga empat tahun.

(Pihak Biro mempunyai dua jawatan kosong sebagai Penyiasat Khas. Para pemohon mestilah mempunyai Higher National Diploma atau yang sebanding).

Tuan Rajaratnam ditanya sama ada masalah rasuah di Brunei merupakan satu perkara yang serius dan sama ada kegiatan Biro itu memberi kesan pencegahan.

Beliau menjawab: Soalan itu merupakan satu perbandingan dan adalah sukar untuk menilai keadaan di Brunei melainkan statistik kes-kes di luar negeri juga dikaji....

Adalah terlalu awal untuk mengatakan sama ada penyiasatan dan pendakwaan yang dijalankan oleh Biro telah menghalang orang-orang melakukan perbuatan itu. Beliau menggariskan halangan-halangan utama terhadap penyiasatan Biro itu.

* Butir-butir dan maklumat yang tidak mencukupi dalam surat-surat orang yang memberi maklumat. Misalnya orang yang memberi maklumat kerap kali tidak memberi nombor rumah atau lotnya juga nama-nama jalan bagi rumah-rumah atau harta benda yang perlu disiasat.

* Yang melibatkan pemborong-pemborong pula, mereka tidak memberikan nama atau alamat projek yang dijalankan.

* Kurangnya kerjasama sepenuhnya oleh orang ramai serta ahli perniagaan yang diminta wang rasuah dari kakitangan kerajaan.

* Kurangnya kerjasama dari kakitangan kerajaan yang mengembalikan wang rasuah dan tidak melaporkan kepada Biro kerana takutkan publisiti.

"Hanyalah dengan adanya kakitangan kerajaan yang tampil ke hadapan untuk bekerjasama dengan Biro itu baharulah jabatan itu dapat dibersihkan dari rasuah," kata Tuan Rajaratnam.

"Bila orang ramai menyedari adalah tidak wajar untuk mendapatkan sesuatu dengan memberikan rasuah kepada para pegawai, mereka akan menghentikan kegiatan buruk itu."

Pegawai itu mengingatkan bahawa seseorang pegawai yang tidak melaporkan pemberian rasuah adalah melakukan satu kesalahan dan akan dikenakan hukuman denda dan/atau penjara.

Ketua-ketua jabatan mestilah menghapuskan sikap "red tape" bila berhubung dengan orang ramai, terutama sekali dengan mengurangkan waktu menunggu bagi pengeluaran pasport, kad pengenalan, lesen import dan eksport dan lain-lain lagi.

Tuan Rajaratnam menekankan yang identiti orang yang memberi maklumat tidak akan didedahkan dan adalah menjadi kenyataan ianya dilindungi oleh undang-undang anti-rasuah.

Bagaimanapun orang-orang yang memberi maklumat yang senghaja memberi maklumat yang palsu untuk menganiaya orang-orang yang tidak berdosa, akan dihukum.

Pegawai itu mengesahkan banyak projek bangunan sedang disiasat, tetapi penyiasatan ini mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan. Matlamat Biro adalah untuk "menghapuskan kalau tidak pun mencegah rasuah."

Orang ramai yang pernah diberikan atau meminta rasuah, mestilah melaporkan perkara itu tanpa berlengah-lengah lagi ke Biro itu, tegas beliau.

SISTEM KOMPUTER PENDAFTARAN TANAH

Sukacita dimaklumkan bahawa sistem pendaftaran tanah-tanah di Daerah Brunei dan Muara akan menggunakan komputer untuk membantu kerja-kerja pendaftaran.

Kejayaan sistem ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dan sokongan yang sepenuhnya daripada tuan-punya tanah-tanah berkenaan.

Oleh yang demikian, nama-nama yang tersebut di bawah ini atau wakil-wakil mereka adalah dijunjung/dipersilakan hadir ke Pejabat Tanah, Bandar Seri Begawan, Brunei dengan beberapa segera yang boleh pada waktu-waktu pejabat dibuka dengan membawa kad pengenalan dan semua geran-geran tanah yang dimiliki masing-masing.

EDR NO.	LOT NO.	NAMA	LETAK TANAH
6852	7287	Awang Md. Tanjong bin Haji Ismail.	Tanjong Nangka.
6854	7289	Salwana bte Abdul Latif.	Bunga Mirah, Mulaut.
6855	7290	Sadikir bin Bakar.	Bunga Mirah, Mulaut.
6857	7292	Haji Ludin bin Hashim.	Bunot.
6864	7299	Haji Yakob bin Haji Ahmad.	Kilanas.
6864	7299	Hj. Ahmad bin Hj. Bayan.	Kilanas.
6866	7301	Udana Khatib Haji Omar bin Rendah.	Sengkuring.
6868	7303	Abdullah bin Hashim.	Mile 1/4, Jalan Muara.
6872	7307	Mala binte Ali.	Kiarong.
6883	7318	Yahya bin Abd. Kadir.	Mile 3/4, Jalan Muara.
6884	7319	Haji Momin bin Awang Besar.	Mile 3/4, Jalan Muara.
6890	7325	Abdul Hamid bin Mohd. Tahir.	Sungai Kedayan.
6898	7333	Zaini bin Ibrahim.	Sangit Paya, Tekuyong Kilanas.
6902	7337	Pungut bin Dullah @ Pungut bin Dollah.	Batong.
6903	7338	Dayang Aisah bte Awang Bakri.	Pulau Berbunot.
6905	7340	Naiyah binte Othman.	Silanchang, Kilanas.
6911	7346	Haji Bakar bin Haji Jamaluddin.	Sengkuring
6918	7353	Anit bin Miramit.	Parit Pengkalan Batu, Limau Manis.
6919	7354	Minah binte Miramit.	Parit Pengkalan Batu, Limau Manis.
6919	7354	Siau bin Miramit.	Parit Pengkalan Batu, Limau Manis.
6923	7358	Pengiran Piut bin Pengiran Metassan.	Pengkalan Batu.
6924	7359	Dayang Palam binti Haji Serudin.	Pengkalan Batu.
6924	7359	Pg. Mohd Ishak bin Pg. Yussof.	Pengkalan Batu.
6924	7359	Dawana Fatimah binti Gani.	Pengkalan Batu.
6926	7361	Ak Mohd. Ali Hanafiah bin Pengiran Haji Ali.	Pengkalan Batu.
6926	7361	Mohd. Jazlan bin Ishak.	Pengkalan Batu.
6927	7362	Ramlee bin Sulaiman.	Pengkalan Batu.
6931	7366	Dayangku Nor Saadah binte Pengiran Ali.	Mabohai, Tungkadeh.
6933	7368	Mahari bin Apong.	Kilanas.
6933	7368	Dy Rose binte Apong @ Rosni.	Kilanas.
6934	7369	Noorul Huda binte Ishak.	Bekakas Agau, Limau Manis.
6938	7373	Minah binte Haji Abd. Razak.	Agau, Limau Manis.
6939	7374	Abd. Salam bin Dollah.	Agau, Limau Manis.
